

# Jambatan runtuh di Papar diganti baru

**K**OTA KINABALU: Sebuah jambatan baru akan dibina merentangi Sungai Mandahan di Papar bagi menggantikan jambatan sedia ada di Kilometer 16, Kampung Mandahan, Jalan Papar-Beaufort yang runtuh di kedua-dua bahagian hujung akibat hakisan, baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Raymond Tan, berkata jambatan sedia ada tidak boleh diperbaiki berikutan strukturnya disahkan tidak selamat.

Beliau berkata, pendekatan terbaik mengelak tragedi seperti yang berlaku Jumaat lalu ialah membina jambatan baru yang lebih kukuh dan sesuai dengan keadaan Sungai Mandahan.

"Kita sudah meninjau lokasi kejadian bersama jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melihat dengan lebih dekat punca jambatan itu runtuh.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri mencadangkan satu jambatan baru dibina bagi memastikan keselamatan pengguna laluan itu terjamin," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Tan berkata, jurutera JKR negeri akan meneliti dan mengkaji reka bentuk sesuai jambatan baru itu yang dijangka mula dibina dalam tempoh enam hingga lapan bulan akan datang.

Mengenai laluan sementara sedia ada, beliau berkata, jalan berkenaan akan diganti dengan sebuah jambatan bailey sebaik kerja pembinaan jambatan baru dimulakan.

Mengulas kejadian yang mengorbankan tiga nyawa Jumaat lalu, Tan berkata, siasatan awal mengenal pasti tiga punca yang menyebabkan kedua-dua hujung jambatan itu runtuh.

Dalam kejadian jambatan runtuh Jumaat lalu, seorang ustaz, Hussin Mastor, 51 bersama anak lelakinya, Razali, 24, lemas selepas kereta Perodua Kancil yang dinaiki terjunam ke dalam Sungai Mandahan kira-kira jam 8 pagi.

Tragedi itu turut meragut nyawa pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS).